

**Y.BHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANISATION (ACO)**

**10 JUN 2022 (JUMAAT)
10.00 PAGI
ZOOM**

**WEBINAR: B2B COOPTOURISM
SEMPORNA & LAHAD DATU:
THE HIDDEN MIRROR OF SABAH,**

Bismillahirrahmannirrahim,
Assalamualaikum W.B.T,

Salam Sejahtera
Salam warga koperasi,

Yang Berbahagia,

Datuk Haji Mohamad Ali Hasan,

Anggota Lembaga ANGKASA
merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Sektor
Pelancongan, Penjagaan Diri dan
Kesihatan,

Yang saya hormati,

En. Uzaidi Udanis,

Presiden, Malaysian Inbound Tourism
Association (MITA)

Para pemimpin koperasi sektor
pelancongan

Tuan-tuan dan puan puan sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana pada hari ini dapat kita berwebinar yang khususnya dalam bidang pelancongan.

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi menghadiri sesi webinar

B2B Coop-Tourism anjuran Bahagian Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK) ANGKASA yang diadakan pada pagi ini.

2. Sesungguhnya pihak kami di ANGKASA amat menghargai masa yang diluangkan oleh tuan-tuan dan puan-puan dalam usaha kita untuk

memacu Gerakan Koperasi ke peringkat yang lebih tinggi dan kompetitif khususnya dalam sektor pelancongan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekelian

3. Program Coop-Tourism anjuran ANGKASA ini adalah salah satu usaha untuk menjadikannya platform bagi memacu semula sektor koperasi bangkit semula bergiat cergas dalam sektor pelancongan. Peluang dan ruang untuk koperasi pelancongan kembali bangkit memperkasa perniagaan sangat cerah setelah

terhimpit dan dibelenggu dengan pelbagai cabaran ketika pandemik Covid-19.

4. Tentu sekali bagi ANGKASA amat mengharapkan supaya koperasi mampu berdiri untuk menjana pendapatan melalui pelancongan dalam era endemik ini. Marilah kita

tetapkan tekad untuk terus berusaha dan berinovasi agar kita dapat keluar daripada masalah ekonomi dan bangkit memajukan sektor pelancongan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekelian

5. Sebagai permulaan ANGKASA memilih Negeri Sabah untuk dipromosikan sebagai destinasi pelancongan yang tentunya memikat pelancong dalam dan luar negara. Banyak destinasi yang boleh dikunjungi seperti Gunung Kinabalu, Blue Ring

Reef dan Lembah Danum di Lahad Datu serta Taman Marin Tun Sakaran (Tun Sakaran Marine Park) di Semporna serta pulau-pulau yang memikat pemandangannya.

6. Bukan hanya lokasi pelancongan yang menarik, Sabah juga menawarkan budaya pelbagai ethnik

dan dengan makanan yang lezat
terutamanya makanan laut.
Kehebatan tarikan pelancongan ini
wajar diketengahkan supaya
kemasukan pelancong luar khususnya
dari negara ASEAN dapat
ditingkatkan.

7. Sewaktu pandemik dahulu mereka yang terlibat dalam industri pelancongan amat terkesan. Kini setelah kerajaan membuka sempadan negara, amat wajar koperasi memanfaatkan peluang ini untuk menjana pendapatan sebanyak mungkin.

8. Oleh itu pada hari ini, dengan memberi fokus kepada Negeri Sabah khususnya di kawasan Lahad Datu dan Semporna, saya mengharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat menggunakan daya imaginasi dan kreativiti yang ada bagi memformulasikan bagaimana kita boleh mempromosikan segala

keunikan di negeri Sabah untu
dijadikan daya tarikan kepada para
pelancong dari dalam dan luar
negara.

9. Koperasi perlu kreatif. Cari jalan
supaya usaha mempromosi dan
menarik pelancong terus disebar luas.
Jangan kita letakkan beban

mempromosi ini hanya di bahu kerajaan semata. Gunakanlah platform media sosial dan e-dagang seperti Lazada dan Shopee untuk urusan promosi.

10. Saya penuh yakin tuan-tuan dan puan-puan telah menggunakan platform media sosial semaksima

mungkin bagi tujuan promosi. Ayuh!
kali ini kita gabungkan kuasa media
sosial, platform e-dagang dan
kekuatan jaringan yang dimiliki
ANGKASA sebagai badan koperasi
APEX koperasi untuk mengukuhkan
lagi kedudukan pelancongan di
Sabah sebagai permata Asia.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian

11. ANGKASA terus komited untuk membantu koperasi terutamanya berkaitan dengan industri pelancongan. Ia dilaksana melalui anjuran program berunsur pendidikan perniagaan seperti webinar berkaitan

isu pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan di Malaysia serta isu-isu berkaitan rantau Asia dan dunia.

12. ANGKASA sentiasa mencari peluang dan ruang perniagaan bagi koperasi terutamanya di peringkat rantau ASEAN dan juga dunia melalui jaringan ACO, ICAAP dan ICA.

ANGKASA amat berharap dengan bantuan jaringan ini, kedudukan Sabah terutamanya sebagai hab pelancongan dapat terus diperkukuh.

13. Kami menggalakkan agar pihak koperator memberikan tumpuan kepada program Pelancongan Luar Bandar dan Pelancongan Bersaskan

Komuniti. Kita mahu menjadikan elemen-elemen yang jarang dilihat oleh dunia luar menjadi tarikan utama bagi pengunjung untuk melancong di negeri Sabah. Kedua-dua konsep ini akan menjadi magnet kepada “backpackers” dan “solo traveller” kerana dua golongan ini sentiasa

mencari kelainan dalam perjalanan mereka melancong.

14. Saya mengharapkan koperasi-koperasi di Sabah yang aktif dalam industri pelancongan seperti Koperasi Homestay Kg Walai Tokou, Koperasi Pelancongan North Borneo Semporna, Koperasi Kakitangan

Taman-Taman Sabah Berhad yang memajukan sekitar pusat pelancongan Gunung Kinabalu di Kundasang tidak kekok dan lokek untuk berkongsi ilmu dan pengalaman mereka. Mereka ini adalah kumpulan yang sangat berpengalaman di Sabah dan seharusnya kita ilmu yang

mereka miliki untuk terus memajukan koperasi kita.

15. Suka saya memperincikan berkenaan tarikan pelancongan di Semporna dan Lahad Datu ini dan mengapa ANGKASA yakin ianya amat berpotensi untuk dijadikan hab pelancongan Malaysia dan Borneo.

Produk pelancongan telah sedia ada dan dengan kepakaran serta komitmen yang tinggi, kebolehpasaran produk pelancongan ini dapat ditingkatkan.

16. Ukuran kebolehpasaran sesuatu lokasi bukan hanya disebabkan ianya mempunyai pulau-pulau peranginan

yang cantik serta kepelbagaian flora dan fauna yang ada di dalamnya. Tarikan sebenar yang mahu dilihat oleh para pelancong adalah tradisi, budaya dan gaya hidup sebenar masyarakat yang mendiami kawasan tersebut.

17. Sebagai contoh, masyarakat Bajau Laut amat terkenal dengan gaya hidup mereka yang berorientasikan laut. Mereka juga mempunyai pelbagai perayaan serta acara menarik sepanjang tahun yang mungkin tidak biasa didengari oleh kebanyakan daripada kita. Antara festival yang disambut oleh suku Bajau

Laut dan Bajau Darat adalah Perayaan Regatta Lepa dan ianya bertumpu di Kawasan perairan Semporna dan Lahad Datu. Perayaan ini disambut pada bulan April setiap tahun dan ianya juga amat dikenali sebagai Pesta Air Tahunan di Sabah. Hari ini perayaan ini diiktiraf sebagai salah satu festival di Malaysia.

18. Usaha yang ANGKASA lakukan pada hari ini bukanlah semata-mata untuk membantu hanya Sabah memperkukuhkan industri pelancongannya. Negeri-negeri lain juga mendapat perhatian khusus ANGKASA cuma webinar ini memberi tumpuan kepada Sabah.

19. Usaha ini ANGKASA lakukan adalah demi kemaslahatan, kelangsungan dan kemakmuran masyarakat yang berada di seluruh pelusuk Sabah. ANGKASA juga membuka ruang dan jalan bagi anggota koperasi terutamanya golongan muda untuk menceburkan diri mereka dalam bidang

pelancongan demi memperkukuh dan membangunkan ekonomi mereka khasnya melalui koperasi.

Izinkan saya meneruskan ucapan saya dalam Bahasa Inggeris

Ladies and gentlemen

20. *I would like to thank you for your willingness to attend the B2B CoopTourism webinar session organized by the Tourism, Personal Care and Health Sector (SPPDK) ANGKASA this morning. Indeed, we at ANGKASA greatly appreciate the time you spend to realize our efforts in*

driving the Cooperative Movement to a higher and more competitive level.

21. *The Coop-Tourism program is one of the efforts from ANGKASA to make it a platform for co-operators to bounce back after the challenging years of Covid-19 Pandemic.*

22. *ANGKASA wants co-operators to be able to stand on their own feet and be self-sufficient in this post-pandemic era. Moreover, our skills and capabilities in handling our business will be tested to the maximum limit. The only way out for this problem is to keep innovating.*

23. *ANGKASA feels there is a need for us to pay attention to the state of Sabah. This state is well known for its Mount Kinabalu and Kinabatangan River. However, it is not the only attraction there. There are many other interesting locations that can be visited, including the Blue Ring Reef and Danum Valley in Lahad Datu as*

well as Tun Sakaran Marine Park in Semporna.

24. *Therefore, by focusing on the State of Sabah, especially in the area of Lahad Datu and Semporna area, I hope all of us here can use our imagination and creativity to formulate the way on how to promote*

all the uniqueness in the state of Sabah to made it attractive to tourists from within and outside the country.

25. *ANGKASA will continue to be committed to help cooperatives through educational programs such as webinars on tourism, personal care and health issues in Malaysia as well as*

issues related to the Asian region and the world. We know that the condition during the movement control order were very depressing, but right now this is the moment for us to rehabilitate and rise again.

26. We encourage co-operators to focus on Rural Tourism and Community

Based Tourism programs. We want to make the elements that are rarely seen by the outside world becomes the main attraction for visitors to travel to Sabah. Both of these concepts will be a magnet for "backpackers" and "solo travellers" because these two groups are always looking for something different in their journey.

The real attraction that tourists want to see is the tradition, culture and lifestyle of the people who inhabit the area.

27. The Bajau Laut community for example, is well known for their sea-oriented lifestyle. They also have a variety of festivals as well as exciting

events throughout the year that may not be familiar to most of us. One of the festivals celebrated by the Bajau Laut and Bajau Darat tribes is the Regatta Lepa Festival and it is a yearly celebration in Semporna and Lahad Datu. This festival is celebrated in April every year and it is also known as the Annual Water Festival in Sabah. Today,

this festival is recognized as one of the festivals in Malaysia.

Allow me to end my speech in Bahasa Melayu.

Semoga segala usaha yang dilakukan oleh ANGKASA dalam memajukan sektor industri pelancongan koperasi

akan memberikan kesan langsung dalam merencanakan meningkatkan pendapatan koperasi.

Akhir kata,

Rebutlah peluang ini dan jangan sesekali ianya disia-siakan.

Ibarat pepatah melayu; Yang bulat tak datang bergolek,

Yang pipih tak datang melayang.
Berusahalah.... insyaAllah koperasi
akan mencapai kejayaan.

Dengan lafaz suci
Bismillahhirrahmannirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan
webinar ini.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

MUHAMMAD FIRDAUS BIN BORHAN

Pengurus

Unit Pembangunan Perniagaan

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

.....

7 Jun 2022.